

Rasmi: Jaafar Hassan akan letak jawatan

KUALA LUMPUR 13 Okt. — Datuk Haji Jaafar Hassan akan meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Perlis.

Beliau yang sedang bercuti akan juga menggugurkan jawatan-jawatannya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perlis dan Ketua UMNO Bahagian Kangar.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Encik Megat Junid Megat Ayob berkata, keputusan Datuk Haji Jaafar itu telah disuarakannya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam pertemuan mereka di pejabat Perdana Menteri pagi ini.

Pertemuan itu yang berlangsung kira-kira 45 minit dihadiri sama oleh enam orang ketua cawangan dalam UMNO Bahagian Kangar.

"Perdana Menteri telah menerima perletakan jawatan-jawatan oleh Datuk Haji Jaafar itu, kata Encik Megat Junid.

Dengan perletakan jawatan Datuk Haji Jaafar itu, Encik Ali Ahmad akan menggantikan beliau sebagai Menteri Besar.

Kenyataan itu menerangkan bahawa nama Encik Ali akan dikemukakan kepada Raja Perlis tidak lama lagi.

Encik Ali masih memegang jawatan Menteri Besar yang dipegangnya sejak Datuk Haji Jaafar Hassan berada di luar negeri kerana



Datuk Haji Jaafar Hassan

menjalani tawaran perubatan. Beliau terus menjadi pemangku Menteri Besar sehingga sekarang.

Kenyataan itu menjelaskan Datuk Haji Jaafar akan terus mengekalkan kerusi-Dewan Undangan Negeri kawasan Bintong.

Encik Ali mewakili kerusi Dewan Undangan kawasan Oran.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak menyebut tarikh perletakan jawatan Datuk Haji Jaafar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia